

Rakyat Malaysia tidak minat sebab kurang kemudahan mengecas, tidak mampu bergerak jauh

Hanya 61 unit EV dapat dijual

KUALA LUMPUR – Populariti kereta elektrik (EV) yang mesra alam, senyap dan senang dikendalikan nampaknya langsung tidak menarik perhatian rakyat Malaysia untuk memilikinya.



KHAIR



AISHAH

Fakta itu disokong dengan statistik Persatuan Automotif Malaysia (MAA) yang mendedahkan, hanya 61 unit kenderaan tersebut terjual sepanjang tahun lalu.

Berbeza di negara China dan Jepun, jurang perbezaannya terlalu besar apabila lebih 100,000 unit EV terjual pada 2014.

Situasi itu sekali gus menggambarkan penduduk di negara tidak berminat langsung dengan EV.

Berdasarkan rekod MAA, sebanyak 666,674 unit kenderaan berjaya dijual pada tahun lalu.

Justeru tidak hairanlah, sambutan dingin pengguna menyebabkan hanya empat model iaitu Nissan Leaf, Mitsubishi i-MiEV dan Renault Twizy dan Zoe 'berani' dipasarkan di negara ini.

Pun begitu, disebabkan keempat-empat model itu dijual pada harga yang terlalu tinggi iaitu sekitar RM140,000 hingga RM180,000, telah menjadi alasan paling dominan untuk orang ramai tidak memi-

NEGARA-NEGARA seperti Amerika Syarikat (AS), China, United Kingdom (UK), Norway, Jepun, Belanda dan Jerman merupakan antara negara yang telah menjadikan kenderaan elektrik sebagai salah satu alternatif memelihara alam sekitar.

Saban tahun, jumlah jualan kenderaan jenis ini makin bertambah. Setakat bulan Mac 2014, sebanyak 14,832 unit kereta elektrik (EV) sudah terjual di AS. Angka yang tinggi juga dicatatkan di China (12,555 unit) dan UK (8,684 unit).

Namun lain ceritanya di Malaysia. Persatuan Automotif Malaysia mendedahkan, meskipun EV dikatakan sebagai pengangkutan masa depan, hanya 61 unit EV terjual sepanjang tahun lalu sedangkan negara menyasarkan sebanyak 100,000 EV dalam tempoh lima tahun akan datang.

Mengapa hal ini terjadi? Adakah rakyat Malaysia tidak yakin dengan kenderaan jenis ini? Wartawan *Kosmo!*, **MOHD. HAFIZI AHMAD dan AHMAD ZAINUL ARIFFIN** mewawancara beberapa pihak bagi merungkai isu ini lebih mendalam.

likinya.

Ramai menganggap, membeli EV hanya merugikan sahaja.

Menurut Presiden MAA, Datuk Aishah Ahmad, kesuraman industri EV hakikatnya disebabkan kesukaran pengguna mencari kemudahan mengecas kenderaan jenis tersebut.

"Pihak industri tiada masalah untuk menjual kereta elektrik di pasaran tetapi ketiadaan fasiliti berkenaan menyebabkan orang ramai berfikir dua kali untuk membelinya walaupun pihak bank menyediakan pembiayaan sama seperti kenderaan lain.

"Sebab itulah pengguna lebih cenderung untuk menggunakan kenderaan biasa walaupun tahu kereta elektrik lebih menjimatkan. Persepsi negatif terhadap EV masih tebal," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Aishah menjelaskan, selain faktor tersebut, harga tarif elektrik

Fokus

yang agak tinggi di Malaysia turut memberi kesan langsung kepada jualan EV.

"Pengguna yang membeli kereta elektrik sudah tentu mahukan penjimatan tetapi jika harga elektrik tinggi, tidak guna juga.

"Infrastruktur mesti cukup, caj elektrik mesti rendah dan yang paling penting, bagaimana mahu ubah tanggapan pengguna tentang EV, barulah ia diterima dengan meluas," ujarnya.

Bermula Januari 2014, tarif elektrik di Semenanjung naik 14.89 peratus kepada 38.53 sen per kilowatt berbanding 33.54 sen sebelumnya.

"Secara purata, kos perjalanan satu kilometer bagi EV adalah lima sen berbanding 40 sen untuk kenderaan petrol biasa," katanya.

Pandangan Aisyah itu turut dipersetujui oleh Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti

INFO

Harga kereta elektrik di Malaysia



NISSAN Leaf

Model

Nissan LEAF
Renault Zoe
Renault Twizy
Mitsubishi i-MiEV



RENAULT Zoe

Harga

RM180,566.18
RM150,156.87
RM89,115.27
RM150,000 (Anggaran)

Jumlah Jualan kereta elektrik di Malaysia
2015 - 61 unit
2014 - 24 unit



RENAULT Twizy



MITSUBISHI i-MiEV

Putra Malaysia, Ir. Dr. Mohd. Khair Hassan.

Bagi Mohd. Khair, orang ramai masih meragui kemampuan kereta EV untuk bergerak pada jarak jauh.

Jelasnya, keupayaan EV yang dijana sepenuhnya oleh bateri litium ion hanya mampu melakukan jarak perjalanan sekitar 120 hingga 150 kilometer.

Secara purata, harga bagi seunit bateri litium ion adalah AS\$15,000 (RM59,000) atau 40 peratus daripada harga sebuah EV.

"Untuk mengecas pula, proses cas segera (*fast-charging*) ambil masa kira-kira 30 minit. Bagi cas perlahan, ia mengambil masa hampir lapan jam. Hal ini begitu merisaukan pengguna yang takut kehabisan tenaga bateri terutama ketika memandu jauh," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd. Khair memberitahu, industri EV ketika ini berdepan dengan cabaran untuk mencari formula meningkatkan ketahanan bateri pada kenderaan mesra alam tersebut.

"Ketika ini hanya teknologi litium ion saja dapat dihasilkan, manakala teknologi lain masih dalam kajian dan ia mengambil masa berdekad untuk disiapkan," katanya.

EV mempunyai kelebihan berbanding kenderaan hibrid kerana saiznya lebih kecil, menjimatkan kerana ia menggunakan sepenuhnya tenaga daripada sumber bateri.

EV bagaimanapun perlu dicas dari semasa ke semasa berbanding kenderaan hibrid masih boleh bergerak dan bergantung kepada bahan api (petrol) apabila kehabisan tenaga bateri.

Apa kata mereka



"EV merupakan kenderaan masa depan, ia amat berbaloi jika dapat diguna pakai. Namun disebabkan harganya yang mahal, saya tidak mampu untuk membelinya.

MUHAMMAD FARHAN ABDUL RAHMAN, 28,
Pekerja Swasta



"MASIH banyak kelemahan yang perlu diperbaiki terutama melibatkan jangka hayat bateri EV. Mungkin ia hanya sesuai digunakan di kawasan bandar.

MOHD. AZAM JAIS, 25,
Peniaga